



JANUARY-APRIL 2013

BULLETIN

NO. 23

LISTEN

UNDERSTAND

EMPATHY

Dialog Kebijaksanaan Tempatan “Perubatan Alternatif/ Tradisional & Islam



Public Lecture :
Cultures & Religions
by Assoc. Prof. Dr. Raihanah Abdullah

Ceramah
Dialog Jual Beli Beransur Barat-Melayu-Islam
oleh Dr Nurfadhline Abd Halim, (UMT)

External Events and Networking

**Intercivilisational Dialogue
and Higher Education: The Case for Malaysia**





Lets start our reflections on dialogue and civilizations by clarifying the notions of dialogue and civilization.

IN THIS ISSUE

Dialogue and Civilization	2
Cultures & Religions Collaboration with Faculty of Theological, Drew University, USA	3 - 4
Syarahan Umum : Ceramah Dialog Jual Beli Beransur Barat-Melayu-	4 - 5
Mesyuarat Bersama Unit Monograf	6
Program 1 STEP 2 U	6
Mesyuarat Penyelarasan Kelab Unesco Pengajian Tinggi	7
Syarahan Umum : "Dialog Tentang Kebijaksanaan Tempatan: Perubatan Alternatif –Melayu-Islam	9 - 10
Siri Wacana Profesional II: Penyeliaan Kembang Tumbuh (PKt) Anjakan Penyeliaan Ke Arah Budaya Pembelajaran Profesional	10
Public Lecture : "Intercivilisational Dialogue and Higher Education: The Case for Malaysia	11
Program Unesco bersama Prof Arnt Graf	12
Syarahan Umum : Tentang Persuratan Melayu & Kelesatarian	13
Public lecture : "International Humanitarian Law : A Dialogue of human right in law and practice.	14
Artikel sumbangan	15
EXTERNAL EVENTS AND NETWORKING	16 - 19

Dialogue is not negotiation or polemics. In negotiation the parties involved are concerned with the satisfaction of their personal interests. Negotiation usually ends in some form of accommodation of interests that all parties accept. In polemics, the parties are not, like in dialogue, involved in the work of reciprocal elucidation of the subject under discussion. According to Foucault, the polemicist sees his interlocutor "...not as a partner in the search for the truth, but an adversary, an enemy who is wrong, who is harmful, and whose very existence constitutes a threat... his final objective will be, not to come as close as possible to a difficult truth, but the triumph of [what he thinks is] the just cause he has been manifestly upholding." (Rabinow, 1984, p.382, emphasis added). In dialogue, on the contrary, there is a cooperative search for truth. Dialogue means shedding light (dia) into things through the spoken word (logos), bringing forth that which is hidden, namely, the ground or foundation of what is present (Giannini, 1992, p.134), and which nevertheless pertain to the essence of things. Consequently, things cannot be things-inthemselves because only through dialogue are they completed as such (by revealing their hidden parts, their foundation). Things have a sort of virtue, the virtue of being 'spoken,' being named. It is characteristic of their being to pay heed to the revealing power of logos. They cannot be by themselves, because they cannot name themselves. Dialogue seeks to bring the full presence of things for you and for me, for us. The purpose of dialogue is to shed light on things, to clarify them, to bring them forth to full presence.

Roughly, a civilization is considered to be a group of peoples, which through an extended period of time have developed a common culture. This means a distinctive system of values and practices, a common language and way of looking at the world and acting, in sum a distinctive way of being.

Let us recall that the word culture is related to cultivate. A civilization cultivates what? It cultivates, for a prolonged period of time, a collective way of being, a "we." More precisely, it cultivates the ground* of such a being, that is, the bringing forth of it and its embodiment in traditions, practices, language.

PUBLICATION COMMITTEE

EDITORIAL

Dr. Raihanah binti Haji Abdullah
Dr. Zuraidah binti Abdullah
Dr. Shaharir Mohamad Zain

REPORTERS

Zazren
Farhanah
Chang Lee Wei
Shamsudin
Norennazwa
Syamil Shakir

LAY-OUT & DESIGN

Shamsudin

ADDRESS & CONTACT DETAILS

Centre for Civilisational Dialogue
2nd Floor, Siswarama Building
University of Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-79675697 Fax: 603- 79675692
E-mail: dialog@um.edu.my
Website: <http://dialogue.um.edu.my>

Facebook : Pusat Dialog Peradaban UM/ Centre For Civilisational Dialogue UM



UNIVERSITY OF MALAYA
The Leader in Research & Innovation



United Nations
Educational, Scientific and
Cultural Organisation
Member of the Network of Clubs, Centres and
Associations for UNESCO
(SINCE 2007)

Cultures & Religions : Collaboration with Faculty of Theological, Drew University, USA

Budaya & Agama : Kerjasama dengan Fakulti Teologi, Drew University, Amerika Syarikat

by Assoc. Prof. Dr. Raihanah Abdullah (Director at UMCCD).

16 January 2013 at Faculty of Science

On 16 January 2013, the Centre for Civilisational Dialogue University of Malaya (UMCCD) was delighted to host a public lecture programme by Assoc. Prof Dr Raihanah Abdullah entitled Cultures & Religions to a student delegation from Faculty of Theological, Drew University (USA).

Assoc. Prof Dr Raihanah began her lecture by explained about Malaysia, Malaysia is a federal constitutional monarchy in Southeast

Perlembagaan Malaysia menjamin kebebasan beragama dan meletakkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu ini. Menurut perangkaan Bancian Penduduk dan Perumahan 2010, dianggarkan kira-kira 61.3% daripada penduduk Malaysia mengamalkan Islam, 19.8% amalan agama Buddha, 9.2% Kristian, Hindu 6.3% dan 1.3% amalan Konfusianisme, Taoisme dan lain-lain agama tradisional Cina. 0.7% yang diisytiharkan tiada agama dan baki 1.4% mengamalkan agama-agama lain atau tidak memberikan apa-apa maklumat.

Asia. It consists of thirteen states and three federal territories and has a total landmass of 329,847 square kilometres (127,350 sq mi) separated by the South China Sea into two similarly sized regions, Peninsular Malaysia and Malaysian Borneo. Land borders are shared with Thailand, Indonesia, and Brunei, and maritime border exist with Singapore, Vietnam, and the Philippines. The capital city is Kuala Lumpur, while Putrajaya is the seat of the federal government. In 2010 the population was 28.33 million, with 22.6 million living on the Peninsula.

The Malaysian constitution guarantees freedom of religion while making Islam the state religion. According to the Population and Housing Census 2010 figures, ethnicity and religious beliefs correlate highly. Approximately 61.3% of the population practice Islam, 19.8% practice Buddhism, 9.2% Christianity, 6.3% Hinduism and 1.3% practice Confucianism, Taoism and other traditional Chinese religions. 0.7% declared no religion and the remaining 1.4% practised other religions or did not provide any information.

All ethnic Malays are considered Muslim by law of the Constitution. Statistics from the 2010 Census indicate that 83.6% of the Chinese population identify as Buddhist, with significant numbers of

adherents following Taoism (3.4%) and Christianity (11.1%), along with small Hui Muslim populations in areas like Penang. The majority of the Indian population follow Hinduism (86.2%), with a significant minority identifying as Christians (6.0%) or Muslims (4.1%). Christianity is the predominant religion of the non Malay bumiputera community (46.5%) with an additional 40.4% identifying as Muslims.



Assoc. Prof. Dr Raihanah delivering her speech while offering his insights and experiences



Participants listening to speaker



Participants at APM



Participants from Drew University

Malaysia has a multi-ethnic, multi-cultural, and multilingual society. The original culture of the area stemmed from indigenous tribes that inhabited it, along with the Malays who later moved there. Substantial influence exist from Chinese and Indian culture, dating back to when foreign trade began. Other cultural influences include Persian Arabic, and British cultures. Due to the structure of the government, coupled with the social contract theory, there has been minimal cultural assimilation of ethnic minorities.

In 1971, the government created a "National Cultural Policy", defining Malaysian culture. It stated that Malaysian culture must be based on the culture of the indigenous peoples of Malaysia, that it may incorporate suitable elements from other cultures, and that Islam must play a part in it. It also promoted

the Malay language above others. This government intervention into culture has caused resentment among non-Malays who feel their cultural freedom was lessened. Both Chinese and Indian associations have submitted memorandums to the government, accusing it of formulating an undemocratic culture policy.

Some cultural disputes exist between Malaysia and neighbouring countries, notably Indonesia. The two countries have a similar cultural heritage, sharing many traditions and items. However, disputes have arisen over things ranging from culinary dishes to Malaysia's national anthem. Strong feelings exist in Indonesia about protecting their national heritage. The Malaysian government and the Indonesian government have met to defuse some of the tensions resulting from the overlaps in culture. Feelings are

not as strong in Malaysia, where most recognise that many cultural values are shared.

Overall, the public lecture was successful and it was attended by approximately 30 participants.



Meeting with APM staff



Participants from Drew University at APM

Ceramah Dialog Jual Beli Beransur Barat-Melayu-Islam

Dialogue talks Purchase-Malay-Muslim-West

by Dr Nurfadhlina Abd Halim, Lecturer at Mathematics Department, University Malaysia Terengganu (UMT)

2 Mac 2013 at Katha Room, Centre for Civilisational Dialogue, UM

Ceramah bermula dengan penerangan daripada Dr. Fadhlina berkenaan serba sedikit berkenaan penyelidikan peringkat Doktor Falsafah (PhD) beliau. Ceramah kemudian diteruskan dengan penerangan tentang kaedah Perbankan Islam yang digunakan meliputi yang terbesar dan utama iaitu Bai Bithaman (BTA) iaitu merupakan pembayaran tertanggung. Kaedah yang berada di tangga kedua terbesar pula ialah Ijarah Thumma Albai (sewa-beli), diikuti dengan kaedah Murabahah dan Ijarah. Kaedah BTA menurutnya, telah melalui

proses penghakiman dan tidak boleh dipakai kerana terdapat percanggahan dengan syariah. Kaedah Thumma Albai ialah kaedah pembayaran secara beransur.

Ceramah diteruskan dengan pengenalan terhadap intipati sewa-beli Islam dan sewa-beli lazim yang dikategorikan kepada liabiliti, tempoh, ganti rugi, pembatalan kontrak, tujuan dan penalti. Terdapat dua jenis permodelan matematik (rumus) yang digunakan bagi sewa-beli Islam iaitu Kaedah Pulangan Malar dan Peraturan 78 manakala hanya satu permodelan matematik digunakan bagi sewa-beli lazim

iaitu Kaedah Pulangan Malar. Kaedah Pulangan Malar menurutnya dapat dimanipulasikan supaya keuntungan yang diperoleh adalah sama atau berubah-ubah sepanjang tahun berdasarkan kadar pinjaman asas. Dengan menyetarakan kedua



Dr. Nurfadhlina memberikan syarahan

-dua permodelan matematik tersebut dengan menyetarakan kedua-dua permodelan matematik tersebut,

Dr. Fadhlina mendapati bahawa Kadar Pulangan Malar secara amnya lebih baik daripada Peraturan 78 kerana nilai kontraknya yang lebih rendah dan ia mengaplikasikan konsep musyarakah mutanaqisah walaupun memerlukan penambahbaikan dengan menambah nisbah perkongsian kerana tidak dinyatakan nisbah perkongsian yang jelas.

Dr. Fadhlina mengutarakan dua jenis model alternatif merupakan Model Sewa Tetap (MST) dan Model Prinsipal Tetap (MPT). MST melakukan beberapa andaian seperti prinsipal maksimum pemberi sewa ialah 90% daripada jumlah keseluruhan dan principal minimum penyewa ialah 10% daripada jumlah keseluruhan. Manakala bagi amaun sewa pula ditentukan berdasarkan kepada bayaran prinsipal berkala bertujuan untuk membeli pemilikan pemberi sewa dan bayaran manfaat yang merupakan keuntungan operasi penyewaan yang dikongsi dengan nisbah tertentu. Bagi MPT, andaian yang dilakukan adalah prinsipal maksimum pemberi sewa ialah 90% manakala principal maksimum penyewa ialah 10%. Amaun sewa pula ditentukan berdasarkan kepada bayaran prinsipal berkala untuk memberi pemilikan pemilik sewa dan amaun mestilah sama bagi

setiap kalaan. Bagi yang kedua pula ialah bayaran manfaat yang merupakan keuntungan operasi penyewaan dikongsi dengan nisbah tertentu. Bagi menjelaskan nisbah perkongsian dalam kedua-dua MST dan MPT, Dr. Fadhlina menyenaraikan dua jenis perkongsian nisbah. Nisbah tersebut ditentukan melalui kaedah stokastik atas alasan pembolehubah tidak diketahui sebelum keputusan dibuat. Antara andaian-andaian yang dibuat adalah keuntungan pemberi sewa sekurang-kurangnya menyamai pulangan instrument bebas risiko, penyewa bersifat neutral keuntungan, aset yang disewakan tidak mempunyai susut nilai, caj penggal berubah-ubah dalam set tertutup yang bersandar langsung kepada kadar pembiayaan asas, pembolehubah rawak dengan fungsi taburan seragam dan penyewa mengeluarkan deposit minimum. Dr. Fadhlina kemudian meneruskan pembentangan dengan menyenaraikan hasil-hasil daripada penyelidikan beliau yang dibahagikan kepada 3 bentuk permodelan iaitu NPB, PSR Berkekangan Tunggal dan PSR Pengoptimuman Teguh.

Pada akhirnya Dr. Fadhlina menyimpulkan bahawa hasil penyelidikan beliau membuktikan bahawa permodelan matematik alternatif instrumen sewa-beli Islam di Malaysia dengan konsep PLS melalui prinsip musyarakah mutanaqisah

dengan dwi-nisbah perkongsian mampu diguna pakai berdasarkan keputusan empirik yang diperolehi dan rumus penentuan nisbah perkongsian yang berketentuan dan tak berkentuan berjaya dibangunkan dengan kaedah analitik.



Diantara peserta yang hadir



Dr. Fadhlina memberikan ucapan



Dr. Fadhlina menerima cenderamata dari Prof Shahrir

Dr. Fadhlina categorized two types of ratio partnership. The ratio is determined by stochastic methodology since the variables are unknown before any decisions are made. Among assumptions made are gain by the lessor is similar to free-risk instrument return, lessor is profit-neutral, rent assets have no value depreciation, fluctuating term charges in closed set that is proportional to base financing rate, random variables with uniform distribution function and lessor minimum deposit withdrawal.

Mesyuarat Bersama Unit Monograf

di Bilik Khata PDPUM 20 Februari 2013

Pada 20 Februari 2013, Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya didatangi oleh pasukan Unit Monograf dan Terjemahan Bahasa Melayu (UMTBM) yang diketuai oleh Cik Norilah binti Salam Ketua Unit dan En Amer Faezzudden bin Ahmad Fazal sebagai Pegawai Projek. Dr Zuraidah binti Abdullah sebagai Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban (PDP) telah mengalu-alukan kedatangan pasukan ini. Mesyuarat ini adalah untuk mengadakan kerjasama dengan PDP dan UMTBM. Selain itu Dr. Zuraidah binti Abdullah telah menerangkan beberapa

perkara tentang kaedah dan proses penerbitan yang dilaksanakan di PDP.

Selain itu, Cik Norilah binti Salam sebagai ketua UMTBM telah memaklumkan objektif unit ini diwujudkan di Universiti Malaya adalah untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu melalui penterjemahan. Hasil daripada mesyuarat ini juga pihak UMTBM sangat berminat untuk menterjemah beberapa Monograf yang diterbitkan oleh PDP untuk diterjemahkan melalui UMTBM.



Perbincangan kerjasama

Program 1 STEP 2 U

Anjuran: JKP Akademik dan Intelktual Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah dan Unesco Club

Pada 18 Februari 2013 : Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog telah memberikan ceramah motivasi bagi slot LDK program 1 Step 2 U di Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah, Universiti Malaya. Program ini adalah merupakan program yang dicetuskan oleh JKP Akademik dan Intelktual Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah bagi sesi 2012/2013 dan disokong oleh Kelab UNESCO Universiti Malaya (UMUC). Program 1 Step to U ini berlangsung selama tiga hari yang memberi peluang kepada 70 orang pelajar SMK Seri Perak, Telok Intan Perak untuk merasai pengalaman menjalani kehidupan sebagai seorang mahasiswa kelak. Dr Zuraidah Abdullah telah memberikan cetusan idea kepada peserta-peserta program ini tentang *How to be one step ahead?* Untuk menjadi lebih berjaya dan cemerlang pada masa hadapan. Selain itu, peserta juga telah didedahkan dengan suasana kampus sepanjang berlangsungnya program ini. Peserta dan guru-

guru yang hadir dengan memberi maklumbalas yang positif dan berharap program ini boleh dilaksanakan pada fasa yang kedua.

Para pelajar telah melakukan beberapa aktiviti yang telah dirancang dengan baik untuk mencapai objektif penganjuran bersama yang berbentuk *indoor* mahupun *outdoor*. Program ini dapat mencetuskan kesedaran dan motivasi dalam kalangan para peserta untuk mempertingkatkan kesungguhan dalam menuntut ilmu di bangku sekolah seterusnya memperolehi keputusan yang cemerlang untuk membuka peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Di samping itu, program ini juga dapat memberi impak positif kepada pertumbuhan kemahiran insaniah yang seharusnya dimiliki oleh setiap mahasiswa mahupun bakal mahasiswa apatah lagi menjadi mahasiswa di universiti premier Negara seperti Universiti Malaya ini. Ia juga selaras dengan tema Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah (KKTK), 'Kurshiah Penjana Transformasi Negara'.



Kerjasama dalam kumpulan



Ceramah oleh Dr Zuraidah



Sesi bergambar

Mesyuarat Penyelaras Kelab Unesco Pengajian Tinggi Bilik Mesyuarat Al-Falghani 2, Kementerian Pengajian Tinggi Putrajaya 19 Februari 2013

Dr Zuraidah binti Abdullah sebagai Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban (PDP), merangkap Penasihat Kelab Unesco Pengajian Tinggi telah menghadiri mesyuarat penyelaras Kelab Unesco Pengajian Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi Putrajaya pada 19 Februari 2013. Tiga belas (13) buah Universiti Tempatan telah hadir termasuk UiTM, UKM, UMK, UTM, UniMap, UIA, USIM, UMT, Unisza, Unimas, Wakil IPS dan Wakil Politeknik. Dr Zuraidah telah membentangkan laporan aktiviti Kelab Unesco

Pengajian Tinggi sepanjang tahun 2012.

Terdapat beberapa maklum balas diterima daripada semua yang hadir terutama dalam memastikan Kelab Unesco Pengajian Tinggi ini dapat bergerak aktif dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang memberi impak yang tinggi kepada pelajar-pelajar, sarjana dan penyelidik tempatan dalam memperkembangkan lima matlamat utama UNESCO. Tumpuan kali ini adalah berfokus kepada pelaksanaan aktiviti secara berkolaboratif dengan universiti tempatan dan luar negara.



Dr Zuraidah melaporkan aktiviti sepanjang tahun 2012/2013



Ahli-ahli daripada 13 IPTA dan politeknik yang terlibat

Majlis Orientasi Program Pensiswazahan Guru Besar di Fakulti Pendidikan Sesi 2012-2015

18 Februari 2013

Pada 18 Februari 2013, Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban telah menjadi moderator dalam Majlis Orientasi Program Pensiswazahan Guru Besar di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Seramai 36 orang guru besar telah mendaftar diri dalam Program ini yang dijalankan melalui Mod Intensif selama tiga (3) tahun di sepuluh (10) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menganjurkan Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (Pkpgeb) Bagi Sesi Akademik 2012-2015 untuk pegawai-pegawai perkhidmatan pendidikan bukan siswazah yang layak. Pada hari tersebut, Prof Dr Saedah Siraj

telah merasmikan majlis ini dan mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar baru ini dan mengharapkan mereka akan memberi komitmen yang tinggi dalam menghadapi sesi pembelajaran yang agak komprehensif dengan jayanya. Memandangkan guru besar yang telah diterima sebagai pelajar ini juga harus bekerja. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan untuk pelajar-pelajar baru yang bermatlamatkan kepada memberi kesediaan mental dan fizikal kepada semua pelajar sesi 2013-2015.



Sebahagian peserta yang hadir



Dr Zuraidah sebagai moderator





Dialogue and education for peace can help free our hearts from the impulse toward intolerance and the rejection of others.
~ Daisaku Ikeda



If you start a conversation with the assumption that you are right or that you must win, obviously it is difficult to talk. ~ Wendell Berry



A conversation is a dialogue, not a monologue. That's why there are so few good conversations: due to scarcity, two intelligent talkers seldom meet.
~ Truman Capote



"The most important thing in communication is to hear what isn't being said." ~ Peter F. Drucker



Dialog Tentang Kebijaksanaan Tempatan: Perubatan Alternatif –Melayu-Islam

Dialogue About Local Wisdom: Alternative Medicine-Malay-Muslim

13 Mac 2013 di BS1 Akademi Pengajian Islam (UM) ,

Oleh : Prof Madya Saad Othman dan rakan-rakan

Dianjurkan oleh 1. Pusat Dialog Peradaban UM 2. Universiti Sains Malaysia (USM)

Perubatan tradisional dirujuk sebagai amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi-terapi spiritual, teknik-teknik manual dan senaman, yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan. Seminar ini telah diadakan pada 13 Mac 2013 di Bilik Seminar 2, Akademi Pengajian Islam dengan kerjasama daripada sekretariat Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia (USM), peserta adalah seramai hampir 100 orang. Kumpulan Kearifan Tempatan, USM telah mendapat sebanyak RM 7,750,692.00 dana penyelidikan dibawah geran penyelidikan LRGs (Long Term Research Grant Scheme) daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di mana Prof Dr Badaruddin Mohamed adalah sebagai pengerusi. Seminar ini di pecahkan kepada 3 sesi dialog dan satu sesi perkongsian kajian yang telah di jalankan oleh pihak USM. Sesi yang pertama adalah mengenai "Halatuju Perubatan Tradisional & Komplementari di Malaysia" yang telah di bentangkan oleh Dr Aidatul Azura Abdul Rani, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perubatan Tradisional & Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dr Aidatul menekankan melalui dasar Peru-

batan Tradisional & Komplementari (PT & K) bahawa mereka integrasikan PT & K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan di mana misi utamanya adalah memastikan PT & K selamat dan berkualiti bagi mencapai potensi yang optimum dalam penjagaan kesihatan. Dasar ini mempunyai 4 tonggak utama iaitu amalan, penyelidikan, latihan & pendidikan serta bahan mentah dan produk. PT & K di Malaysia terbahagi kepada 6 iaitu Pengubatan Islam (Ruqyah), Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional India, Hemoopathy, dan Perubatan Komplementari. Setiap pengamal wajib berdaftar dengan Majlis PT & K dan mempunyai sijil amalan yang sah sebelum membuka sesuatu premis @ mengubati pesakit.

Pembentang yang kedua terdiri daripada Prof Madya Saad Othman. Beliau merupakan Timbalan Pengerusi Kearifan Tempatan, USM. Prof Saad membentangkan tentang Praktis perbomohan di Utara Semenanjung Malaysia. Beliau menegaskan bahawa amalan perbomohan tidak boleh dikaitkan dengan zat Allah dan sifat-sifat-Nya atau merupakan maksud di sebalik kalimah atau nama-nama Allah atau sifat-sifat-Nya seperti mengatakan ilmu bomoh itu diterima terus dari Allah atau kudratnya adalah kudrat Allah atau melalui mimpi berjumpa wali, malaikat atau lainnya. Semua pengamal pengubatan Islam dan ilmu perbo-

mohan hendaklah mematuhi adab-adab Islam semasa menjalankan rawatan dan patuh kepada undang-undang negara yang sedang berkuatkuasa.

Pembentang yang ketiga ialah Dr Aimi Fazlin Syed Mohamed daripada Pusat Penyelidikan Herba Negara, IMR, KKM yang membentangkan tentang "Khasiat Perubatan Herba Tempatan Terpilih". WHO menggan-garkan bahawa dikebanyakkn negara iaitu lebih dari 80% penduduk di Negara Membangun dan 60-70% penduduk Negara Maju memilih PT & K sebagai cara perubatan. Di dalam hujahnya Dr Aimi menyimpulkan bahawa potensi herba turunan nenek moyang memang mempunyai basis dan ianya perlu dibuktikan secara saintifik (evidence based medicine).



*Prof Madya Saad dan isterinya
(kanan)*



*Peserta bergambar selepas
syarahan*

Di dalam slot akhir, Prof Madya Saad Othman berkongsi tentang kajian, pengalaman-pengalaman dan dapatan beliau terhadap kearifan tempatan di bawah seketariat kearifan tempatan di mana USM telah membina pangkalan data bagi mendokumentasikan ilmu-ilmu berkaitan kajian tempatan negara ini serta nusantara. USM juga mengetuai usaha bagi menggali khazanah yang ada antaranya yang diperolehi secara lisan dan hampir ditelan zaman.

Selain sesi berdialog ini juga telah diadakan pameran daripada wakil pengamal-pengamal

perubatan yang ada di Malaysia ini di antaranya adalah Gabungan Persatuan Pengamal Pengubatan Islam Malaysia (GAPPIMA), Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA) dan Malaysia Chinese Medical Associations (MCMA). Pameran ini berlangsung sepanjang sesi dialog ini diadakan.

"Setiap penyakit ada ubatnya". Allah S.W.T yang menjadikan penyakit, Dialah yang menyediakan ubatnya. Setiap sesuatu mempunyai sebab yang boleh dikaitkan dengan

tingkah laku manusia yang secara langsung berkaitan dengan rahsia Ilahi yang tidak difahami oleh manusia



Peserta yang hadir

Siri Wacana Profesional II: Penyeliaan Kembang Tumbuh (PKt) Anjakan Penyeliaan Ke Arah Budaya Pembelajaran Profesional

19 Mac 2013 di Bilik Seminar Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, UM

Pada 19 Mac 2013 (Selasa), Pusat Dialog Peradaban (PDP) dengan kerjasama Majlis Pengetua Sekolah Menengah (MPSM) telah menganjurkan "Siri Wacana Profesional II: Penyeliaan Kembang Tumbuh (PKt) Anjakan Penyeliaan Ke Arah Budaya Pembelajaran Profesional" yang berlangsung di Bilik Persidangan Pasca Siswazah, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran Universiti Malaya. Wacana yang diadakan ini dihadiri oleh 15 orang pendidik yang terdiri daripada pengetua dan penolong pengetua sekolah di sekitar Kuala Lumpur.

"Siri Wacana Profesional II: Penyeliaan Kembang Tumbuh (PKt) Anjakan Penyeliaan Ke Arah Budaya Pembelajaran Profesional" ini telah disampaikan oleh Prof. Datin Dr. Rahimah Binti Haji Ahmad dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban (PDP), Universiti Malaya iaitu Dr. Zuraidah Binti Abdullah. Wacana


yang diadakan ini selaras dengan misi Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025 (PPPM 2013 - 2025) yang mana menyentuh berkenaan dengan Pendekatan Penyeliaan Semasa bagi membangunkan warga pendidik menjadi sebuah Komuniti Pembelajaran Profesional di sekolah seiring dengan anjakan paradigma pembangunan pendidikan negara.

Dalam wacana tersebut, pelbagai aspek dibincangkan berkenaan dengan penyeliaan pengajaran sistematik di sekolah yang secara tidak langsung bukan hanya meningkatkan sistem penyeliaan pengajaran yang ada sekarang, akan tetap membentuk dan meningkatkan profesionalisme golongan pendidik yang seringkali berhadapan dengan kesukaran dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar saban hari. Pendekatan yang dikemukakan ini juga berlandaskan pembelajaran

sepanjang hayat dan bersifat mesra guru yang memberikan satu alternatif kepada para pendidik dalam mentransformasikan lagi sistem pendidikan melalui pembangunan budaya pembelajaran professional di Malaysia.



Prof Datin dan Dr Zuraidah



seminar

Intercivilisational Dialogue and Higher Education: The Case for Malaysia

Dialog peradaban dan Pengajian Tinggi: Kes Malaysia

By Prof Arnt Graf

20 March 2013 at Katha Room, Centre for Civilisational Dialogue, UM



participants listen carefully to the public lecture



Question and answer session



Dr Stefan asking the question



Prof and moderator receiving token

The talk started with the rise of Malaysia as hub for international students. Prof. Graf briefly expounded Malaysia as a newcomer in education center for international students. He elaborated comparative facts between World, Malaysia and China to strengthen his argument that Malaysia is now a rising center for education. Prof. Graf then continued with a short look back of Education in Malaysia emphasizing on Universiti Malaya as the main subject. Malaysia, according to Prof. Graf, relatively had been investing more than any other countries on education starting from the era of Tun Dr. Mahathir Mohamad as the prime minister. There is always priority for education in almost every national budget announce. The expenses on education are above OECD level of expenses and every year government provides expensive scholarship programs to train future leading academicians for our institution to study abroad. However, starting from 1997 due to the Asian economic crises, the scholarships for studying abroad had been reoriented towards local universities as a result of fiscal constraints.

According to Prof. Graf, ranking is used mainly by new-emerging countries to attract international students furthering their studies abroad. In the case of Malaysia, other than international ranking, innovation also plays pivotal role in attracting international students.

Next, Prof. Graf continued with Global Innovation Index which is used primarily to identify highly innovative countries. The ranking indicates that the higher the index values the more innovative the country is. Malaysia, scoring 45.9 is ranked 32th in the list which is led by Switzerland with 68.2 score. Based on language community in Malaysia, Somali has been the current leading foreign students followed by Punjabi, Arabic and Bengali. As for discussion, the data shows that international students in Malaysia originated from much less innovative countries with 30.88 average GII score, which is 15 points difference from Malaysia scoring point. These students are mainly from Muslim-majority, English-speaking and failing states. And to conclude the talk, Prof. Graf stated that If Malaysia keeps developing further, the number of foreign students attracted to the country will rise concurrently based on current trending.



Program Unesco bersama Prof Arnt Graf

18 Mac 2013, bertempat di Dewan Besar ASiS. SM Sains Alam Shah, Kuala Lumpur



Sesi soal jawab



Prof Arnt Graf sedang membentangkan taklimat



Sesi bergambar bersama para guru

Prof Dr Arndt Graf telah dijemput oleh SM Sains Alam Shah, Kuala Lumpur (ASISKL) untuk memberi pencerahan dan berkongsi pengetahuan bersama para pelajar ASISKL. Syarahan umum yang bertajuk "Mengapa Perlu Belajar Bahasa Melayu di Eropah?" ini telah diadakan pada 18 Mac 2013, pada pukul 9:00 pagi dan bertempat di Dewan Besar ASiS.

Lebih daripada tiga per empat ruang dewan telah dipenuhi oleh para pelajar, mereka berkumpul di dewan bagi mendengar input-input

yang akan disampaikan oleh Prof Dr Arndt Graf. Syarahan umum turut disertai oleh Pengetua sekolah iaitu Tuan Haji Baharuddin Haji Burhan dan beberapa orang guru yang lain. Program ini telah dipengerusikan oleh Cikgu Razmi Abdul Razak, Penolong Kanan Sekolah Menengah Sains Alam Shah.

Pembentangan Prof Dr Arndt Graf dimulakan dengan sedikit latarbelakang mengenai negara dan universitinya iaitu Goethe-University of Frankfurt, Germany. Seterusnya, beliau membentangkan taburan pengajian Asia Tenggara dan khususnya bahasa dan sosio-budaya Melayu (dan Indonesia) di seluruh dunia. Terdapat banyak faktor yang memainkan peranan dalam mempengaruhi perkembangan dan penyurutan perkembangan Bahasa Melayu di Eropah. Antara faktor yang menjurus kepada kelestarian pengajian Bahasa Melayu adalah kesan semangat kolonialisasi yang masih kukuh di jiwa pihak kolonial dan kepentingan memperluaskan jaringan ekonomi terutama di negara-negara sedang membangun di Asia Tenggara (Malaysia dan Indonesia).

Faktor lain yang menyumbang kepada kemerosotan bidang ini di seluruh dunia, dan eropah terutamanya adalah kemampuan orang-orang melayu untuk berbahasa English telah memudahkan bangsa lain untuk berkomunikasi dengan bangsa Melayu. Sehubungan itu, tiada keperluan mendesak untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dikalangan bukan Melayu. Di akhir program, Prof Dr Arndt Graf telah dilontarkan dengan banyak persoalan demi persoalan daripada para pelajar ASISKL yang bersemangat dan teruja dengan kemampuan Prof membentangkan

syarahannya di dalam Bahasa Melayu yang sempurna. Antara soalan-soalan yang sempat di lontarkan adalah adakah wujud di mana-mana universiti di dunia yang menjadikan Bahasa Melayu sebagai medium pengantar dalam subjek-subjek berbentuk sains dan teknologi. Hal ini kerana bagi bidang-bidang yang sememangnya berkaitan dengan kesusasteraan Melayu, semestinyalah ia akan menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya sebagai bahasa pengantara. Sangat menyedihkan, jawapan yang diberikan oleh Prof. adalah, "tiada". Sedangkan Malaysia yang mendokong Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan pun tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium pengantaraan di universiti-universiti awam, adakah adil mengharapkan negara lain yang bukan penduduk asalnya Melayu untuk menaikkan taraf Bahasa Melayu sebagai medium penyampaian akademik.

Itu adalah antara refleksi yang dapat dicerna daripada pembentangan pada hari tersebut. Ia perlu diamati dan diinsafi untuk memastikan survival Bahasa Melayu bukan sahaja di bumi asing tetap kukuh tetapi subur mekar di bumi sendiri (Malaysia)



Sesi bergambar bersama pelajar

Tentang Persuratan Melayu & Kelesatarian

Program Unesco bersama Prof Arnt Graf

22 Mac, 8:30 pagi, Bilik Mesyuarat Tun Mutahir, Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka

Penganjur 1. Pusat Dialog Peradaban UM 2. Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)

Program yang berlangsung selama hampir tiga jam ini telah dipengerusikan oleh Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya. Jemputan daripada Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) ini sesungguhnya merupakan satu penghargaan yang besar bagi kunjungan Prof Dr Arndt Graf kali ini.

Seperti biasa, beliau memulakan syarahan umumnya dengan memperkenalkan Goethe-University of Frankfurt, Germany, universiti di mana beliau telah berkhidmat sejak 2009 sehingga kini dan perkembangan bidang pengajian Asia Timur di universiti tersebut. Ternyata permintaan kepada pengajian negara-negara Asia Timur semakin meningkat dan menarik minat banyak pihak ekoran daripada perkembangan ekonomi yang positif dan progresif serta berkemampuan untuk bersaing di persada global dengan negara-negara Eropah lain.

Sehubungan itu, banyak peluang-peluang yang telah dikenalpasti boleh dimanfaatkan oleh pihak luar yang berminat. Ekoran daripada itu, kajian terhadap sesebuah negara adalah kritikal terutama dalam mengatur strategi ekonomi yang melibatkan sempadan negara. Penguasaan terhadap pengetahuan sosio-budaya negara tersebut dapat membantu sedikit sebanyak survival pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara tersebut.

Kepesatan ekonomi di negara-negara Asia semakin memberansangkan dan ini jelas kelihatan melalui foto yang diambil oleh satelit pada waktu malam. Didapati banyak kawasan-kawasan utama di mana majoritinya adalah ibu-ibu negara terang-benderang dengan cahaya lampu yang memberi signifikan bahawa masih wujud aktiviti ekonomi walaupun melewati malam.

Fokus bukan sahaja tertumpu negara-negara maju seperti China, Jepun, Ko-

rea Selatan dan Singapura. Negara-negara membangun lain seperti Malaysia dan Indonesia turut menjadi perhatian. Kajian terhadap bahasa Melayu dan bangsa Melayu dan Indonesia turut memiliki prospeknya dalam pengajian Asia Timur.

Di samping itu, sejarah agung yang dimiliki oleh Kepulauan Melayu satu ketika dahulu banyak meninggalkan khazanah untuk diwarisi generasi hari ini. Namun demikian, perubahan waktu dan faktor kolonialisasi yang agak lama menyebabkan banyak khazanah tersebut terlepas dari tanah Melayu.

Hal ini jelas apabila Prof Dr Arndt Graf ada menyebut bahawa kemungkinan ada sejumlah manuskrip berkaitan dengan Melayu yang masih belum di katalogkan dalam bilangan yang agak besar berada di Leiden University, Netherlands. Malangnya Leiden yang terkenal sebagai antara pusat pengumpulan manuskrip terbesar di dunia akan ditutup dan peranannya akan diambil oleh Cornell University, Amerika.

Beliau turut menjelaskan kepentingan mendapatkan manuskrip-manuskrip ini yang merupakan dokumen rujukan yang berharga bagi sesebuah negara. Di akhir pembentangannya, banyak persoalan yang telah dilontarkan termasuklah isu kemampuan bangsa Melayu untuk mempertahankan Bahasa Melayu dan survival Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa dan akhir sekali adakah bahasa Melayu akan lenyap satu hari nanti?

Antara respon beliau yang dapat dipetik adalah, beliau yakin bahawa Bahasa Melayu akan terus berkembang. Satu fenomena dapat dilihat bahasa berlaku kemerosotan terhadap perkembangan Bahasa Inggeris. Sebagai contoh, kita dapat lihat adanya *Google Translate* yang membantu kita untuk terus melakukan penterjemahan ke bahasa asing. Di samping itu, banyak juga

laman-laman sesawang yang menggunakan bahasa setempat, bukan bahasa Inggeris. Sehubungan itu, beliau sama sekali tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa Bahasa Melayu akan pupus kerana beliau yakin dengan kuasa yang dimiliki oleh media sosial ini.

Selepas program tersebut Prof Dr Arndt Graf dibawa melawat tempat bersejarah di sekitar Melaka seperti Muzium, Kota A Famosa dan Kota Belanda.



Sebahagian tetamu yang hadir



Dr Zuraidah sebagai moderator



Lawatan ke Muzium Melaka



Dihadapan Muzium Melaka

"INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW: A DIALOGUE OF HUMAN RIGHTS IN LAW AND PRACTICE"

By Prof. Dr. Taslima Monsoor, University of Dhaka
22ND April 2013

at Conference Hall, Faculty of Law , UM

ORGANISERS : Centre for Civilisational Dialogue, University of Malaya & Faculty of Law, University of Malaya



International Humanitarian Law (IHL) is that branch of Public International Law which seeks to protect those persons who do not or no longer take part in hostilities and to put restrictions on the means and methods of warfare. IHL is applicable in international, non-international armed conflict and internationalized armed conflict. The ICRC mission of Bangladesh conducts several different activities designed to promote increased awareness and development of IHL. These include organizing seminars and conferences, developing courses in universities, training teachers and organizing moot court competitions on topics of IHL. Faculty of Law, University of Dhaka feels proud to be the glorious partner of many of these programs and activities as the Henry Dunant Memorial Moot Court Competition.

The principal objective of the Henry Dunant Memorial Moot Court Competition is to develop an increased awareness and interest in International Humanitarian Law (IHL) in aca-

democratic institutions throughout Asia. A further objective is to use IHL to further academic excellence in the student community, and to develop their advocacy skills in an environment of friendly competition and at the same time a dialogue of Human Rights Law and practice with the students. Based on the statistical analysis of survey obtained from the participants, it is shown that most of the participants are very satisfied with the lecture given by the speaker. Both the presentation and content of the lecture has scored an average of above 4 out of 5.

The lecture of Prof. Dr. Taslima Monsoor had brought many new ideas not just to the Centre but also to the Faculty of Law, University Malaya and general public especially in the important and development of International Humanitarian Law (IHL) in the country. Her expertise was fully utilized through this public lectures & dialogue organized by the Centre as well as Faculty of Law, University of Malaya. Her visit to the Centre has also strengthened the academic connection, networking and relationship of the University of Malaya with other institutions at the international level. 34 people attended the public lecture. Participants were representatives from various parties both from inside and outside of the University of Malaya.



Discussion before public lecture



Some of the audiens



Prof Taslima received token from Ass. Prof Dr Raihanah



Syarah Prof Dr Taslima Monsoor telah membawa banyak idea baru bukan sahaja kepada Pusat Dialog peradaban tetapi juga kepada Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya dan orang awam. Terutamanya mengenai kepentingan dan pembangunan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa di negara ini. Kepakaran beliau telah digunakan sepenuhnya melalui ceramah umum & dialog yang dianjurkan oleh Pusat Dialog Peradaban serta Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Lawatan beliau ke Pusat Dialog Peradaban turut mengukuhkan lagi jalinan akademik, rangkaian dan perhubungan Universiti Malaya dengan institusi lain di peringkat antarabangsa

Artikel Sumbangan

Kritik Bandingan Martin Heidegger, Oswald Spengler dan Jacques Ellul terhadap teknik.

Oleh : Syamil Shakir (Penolong Penyelidik)

Perbincangan sekitar falsafah teknologi merupakan perbincangan yang sudah lama berlanjutan dan melibatkan pelbagai perspektif serta mazhab yang pelbagai. Perkataan *techne* yang bermaksud daripada bahasa Greek bermaksud kraf, skil, ataupun seni mula dikesan melalui Plato melalui *Timaeus*, melalui watak Demiurge sebagai seorang tukang kraf. *Techne* kemudiannya dikategorikan sebagai salah satu kaedah mencapai kebenaran oleh Aristotle dalam karyanya *Nicomachean Ethics* di samping *Episteme*, *Sophia*, *Phronesis* dan *Nous*. Konsepsi-konsepsi berkaitan teknologi sering kali berubah mengikut zaman daripada zaman pra-Plato, Renaissance dan mahupun di zaman moden. Zaman Renaissance menyaksikan perkataan *techne* tersebut diterjemahkan sebagai *ars*, yang pada akhirnya menjurus kepada pemisahan “*liberal arts*” dan “*mechanical arts*”. Titik pemisahan teknik moden dan teknik klasik adalah bermula sejak Rene Descartes berbahas di dalam *Discourse de la Methode* bahawa manusia mampu memahami dan mengawal alam tabi'e melalui akal dan kaedah saintifik. Descartes berbahas dengan menggunakan kaedah saintifik bahawa manusia mampu mengawal dan mencipta alat dalam jumlah tak terkira yang mampu mengawal alam tabi'e serta seisinya. Kemunculan kritik terhadap teknologi telah dikesan seawal Ernst Kapp melalui *Grundlinien einer Philosophie der Technik*. Buku ini digambarkan sebagai permulaan kepada penerokaan falsafah teknologi berdasarkan istilah “falsafah teknologi” pertama kali diperkenalkan,

menghujah teknologi merupakan lanjutan bagi anggota manusia. Walaubagaimanapun, Kapp bukanlah terlatih dalam falsafah kerana beliau berlatarbelakangkan filologi. Selain itu, dengan bermulanya abad ke-20, ramai filsuf telah secara khususnya mendalami dan menulis berkenaan dengan falsafah teknik dan antaranya yang terhebat melibatkan Jose Ortega, Lewis Mumford Max Scheler, Friedrich Dessauer dan tak juga ketinggalan bagi Lingkaran Frankfurt yang dibarisi tokoh-tokoh ternama Jerman seperti Habermas dan Theodore Adorno. Namun, makalah ini lebih memfokuskan kepada kritikan terhadap teknologi yang diutarakan oleh Martin Heidegger dan Oswald Spengler dari Jerman manakala Jacques Ellul dari Perancis. Carl Mitcham (1994) telah membuat satu pembahagian yang mendasar terhadap falsafah teknologi yang berupa *Engineering philosophy of technology* dan *Humanities philosophy of technology*. Pembahagian yang pertama berupa sasaran terhadap pemahaman teknologi seperti yang diamalkan oleh jurutera dan para teknologis. Ia menganalisa teknologi dari dalam dan berorientasikan terhadap pemahaman teknologi sebagai makhluk di dunia. Manakalah pembahagian yang kedua pula mengambil sikap teknologi sebagai satu kajian kesan terhadap kehidupan manusia dengan mempelbagaikan persoalan kefalsafahan terhadapnya. Makalah ini secara rambang menyentuh kedua-dua aspek tersebut tanpa meletakkan tanda aras pembahagiannya.

Teknik dan Teknologi

Sebelum bermula dengan lebih lanjut, adalah penting untuk diutarakan definisi teknologi bagi ketiga-tiga subjek kajian kerana itu merupakan teras kepada penulisan ini. Bagi tradisi Jerman, “*Technologie*” merupakan perkataan yang merujuk kepada teknologi tinggi (bioteknologi dan teknologi nano) manakala “*Technik*” pula merujuk kepada kejuruteraan yang bersifat terkebelakang dan kejuruteraan moden yang tertubuh misalnya *Elektrotechnik* yang merujuk kepada kejuruteraan elektrik. Walaubagaimanapun, kedua perkataan tersebut sering diinggerikan sebagai teknologi. Perkataan “*Technikphilosophie*” diInggeriskan sebagai “*Philosophy of Technology*” walaupun sebenarnya subjek kajian merupakan subjek yang berkisarkan “*Technik*”. Tindak-balas falsafah Jerman terhadap teknologi adalah bermula dengan kehadiran teknik, bukannya teknologi. Dapat diketahui bahawa sebenarnya kritikan Heidegger dan Spengler adalah merupakan kritikan terhadap teknik, bukannya teknologi. Manakalah bagi tradisi Perancis, alternatif lain bagi “*Technique*” gagal dikesan dan penulis beranggapan yang “*technique*” membawa makna yang sama bagi teknologi tinggi dan teknologi terkebelakang.

Akan bersambung di edisi akan datang....

EXTERNAL EVENTS AND NETWORKING

Islamic Law National Summit 2013 di Universitas Indonesia

Monday 25 Feb 2013 15:37:26

Islamic Law National Summit 2013 yang berlangsung dan digelar Fakultas Hukum Universitas Indonesia memulai kegiatan dengan acara Stadium Generale, mengangkat tema: "Implementasi Hukum Islam dalam Konteks Multikulturalisme Untuk Menyelesaikan Masalah Bangsa", Senin (25/2). Prof. Raihanah Abdullah, PhD dari Islamic Studies Universitas of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia sebagai tamu undangan, menjadi pembicara pertama yang menjelaskan bahwa hukum Islam mampu menghadirkan peace and harmony dalam kehidupan setiap bangsa dan negara. "Hukum Islam dalam keseharian kehidupan, membawa peace and harmony," kata Prof Raihanah dengan logat melayu. Kemudian diungkapkannya bahwa ada yang menaganggap dalam Islam tidak ada human rights. Justru dalam Islam segala macam persoalan hak manusia dilindungi dengan sempurna.



Menurut Raihanah dalam bernegara kita tak lepas dari budaya, namun budaya akan menjadi persoalan jika budaya tersebut memiliki dampak merusak, tentu jika hanya membuat dampak buruk di masyarakat. Hal tersebut bisa dihilangkan. "Saya pernah berdebat dengan wanita di Bangladesh mengenai persoalan ketidakadilan bagi para wanita mengenai hak waris. Saya mempertahankan pendapat saya bahwa wanita tak boleh hanya sekedar duduk diam di rumah, wanita selain harus mendapat hak waris sesuai yang diatur dalam hukum Islam, wanita dapat melakukan aktivitas. Wanita jika memiliki harta maka dapat beribadah, seperti sedekah umrah dan lain sebagainya," jelas Raihanah. Selain itu Profesor Raihanah menegaskan bahwa dalam keseharian, sangat perlu mengutamakan dialog dari berbagai persoalan. "Lebih baik kita harus berbincang berdialog bukan berperang, jika kita tak siap mendengar maka tak perlu dialog," terangnya.

Prof. Dr. Din Syamsuddin selaku Ketua Umum PP Muhammadiyah, pada kesempatan sebagai pembicara kedua, menearangkan bahwa perlunya untuk tetap saling toleransi antar umat beragama, selama itu dalam batas-batas tertentu. Dijelaskan Din karena Indonesia mayoritas muslim, maka berbagai persoalan bisa diselesaikan dengan jalan damai, sebab Islam adalah agama damai, keselamatan. "Saya pernah tinggal di Pejaten dan tanpa sepengetahuan saya ternyata tetangga saya orang batak kristen, inilah kemajemukan, inilah takdir ilahi, kita harus menerima dengan baik," kata Din. Dikatakan Din bahwa Ia sependapat dengan Prof Raihanah "Islam itu agama kasih sayang, orientasinya kedamaian keselamatan, lil alamiin seluruh alam semesta, Islam sebagai agama kemajuan, Islam sebagai agama kesaksian. Watak Islamic law itu progresif dan 2 sumber utama adalah Alqur'an dan Hadis Prinsip hidup tetap lakum dinukum waliyadin, bagimu agamamu, bagiku agamaku," pungkas Prof Din Syamsuddin.

(petikan dari Buletin Universitas Indonesia)



*Petikan Akhbar Republika Indonesia
Sesi pembentangan seminar oleh Prof
Madya Dr Raihanah Abdullah*

Sheikh Salah Al-Budair (Imam Masjid Nabawi)

26 April 2013 , Dewan Kuliah Utama , Akademi Pengajian Islam,UM

Seminar ini disertai

oleh En. Shamsudin (pegawai projek) bertempat di Akademi Pengajian Islam UM. Dalam seminar tersebut Imam Masjid Nabawi di Madinah, Arab Saudi Sheikh Salah Al-Budair hari ini mengajak umat Islam di Malaysia supaya bersatu padu dan mengelakkan perbalahan sesama masyarakat yang boleh memberi mudarat kepada negara. Katanya umat Islam di negara ini sebaliknya perlu mencari jalan melakukan amalan kebaikan yang bermanfaat kepada masyarakat secara keseluruhan kerana setiap amalan kebaikan yang dilakukan akan diingati selamanya, walaupun selepas seseorang itu telah meninggal dunia



"Justeru kita perlu memikirkan, sebelum kita mati, apa kebaikan yang kita tinggalkan kepada keturunan kita, sebagaimana kita nampak secara pasti, orang yang bermanfaat kepada manusia itulah orang yang paling berguna, beliau juga mengingatkan supaya umat islam mencari bekalan bukan sahaja untuk keperluan didunia ini tapi juga diakhirat sana serta banyakkkan mengingati nabi Muhammad kekasih ALLAH di mana sahaja kita berada, mudah-mudahan kita mendapat syafaat dari baginda di akhirat sana.

Kepentingan Dialog

Ditulis oleh Prof. Datin Dr. Azizan Baharuddin.

Dialog ialah sebuah komunikasi dua hala antara individu (pihak) yang mempunyai pegangan atau pandangan yang berbeza mengenai subjek atau perkara yang tertentu, dengan tujuan ingin mencapai kebenaran yang bertambah lagi daripada pihak yang satu lagi. Mungkin takrifan ini kelihatan mudah dan tidak penting. Anggapan ini tidak tepat kerana di dalam banyak situasi yang kononnya merupakan suatu dialog, dialog sebenarnya tidak berlaku kerana ada pihak yang menganggap dirinya sudah pun mempunyai penyelesaian mahupun kebenaran mutlak mengenai sesuatu perkara dan apa yang dia inginkan daripada rakan dialognya hanyalah penerimaan semata-mata.

Hari ini pakar bidang dialog menggelarkan zaman ini sebagai Zaman Dialog (The Age of Dialogue) yang menggantikan Zaman Monolog yang telah pun berlalu. Pertukaran pemikiran ini berlaku lantaran berlakunya anjakan paradigma yang diakibatkan oleh perkembangan teknologi informasi dan komunikasi yang begitu pesat. Dalam konteks Barat yang zaman kepenjajahannya terbiasa dengan pandangan yang merendahkan tamadun-tamadun lain, dialog telah menjadi satu keperluan baru akibat kesedaran yang muncul mengenai betapa pelbagaunya masyarakat manusia di dunia ini dari segi geografi, budaya dan agamanya.

Dari perspektif lain pula, contohnya dari sudut pandangan kita di dunia/Kepulauan Melayu ini, dialog telah berlaku sejak awal lagi hasil pertembungan bangsa Melayu setempat dengan yang lain melalui aktiviti perdagangan yang membawa bersamanya proses intelektualisasi dan keagamaan, untuk sekian lama. Oleh itu sepatutnya kemahiran berdialog yang baik dan berhemah telah sebatikan dengan masyarakat kita. Namun dalam konteks dialog dihargai secara sedar di dalam masyarakat hari ini ia bukanlah merupakan sesuatu yang menjadi keutamaan sehinggalah dua dekad kebelakangan ini.

Untuk dialog menjadi mekanisme perpaduan yang berkesan, di antara lain kita memerlukan pendedahan ilmiah (sejarah, sistem kehidupan dan lain-lain) untuk memungkinkannya kita membuat penilaian yang tepat mengenai sifat dan tamadun masing-masing. Penilaian yang tepat ini bukan hanya akan membantu kita meneruskan perasaan muhibbah antara budaya/tamadun sekali pun di masa yang sama kita mengakui wujud perbezaan ketara antara kita, tetapi juga dapat membantu memampatkan konsep dan realiti kedudukan Melayu-Islam sebagai contoh. Dalam keadaan dunia dilanda oleh unsur-unsur yang mengikis tradisi, adalah tanggungjawab orang Melayu Islam misalnya untuk memberi kesedaran dan assurance/pengesahan (kepada yang bukan Melayu) tentang betapa idea "kedudukan" mereka tersebut adalah sesuatu yang positif bagi semua pihak. Di sinilah perit penting dialog melalui mana kita boleh membincangkan perkara-perkara yang boleh atau perlu disepakati.

EXTERNAL EVENTS AND NETWORKING

Bengkel Projek Penyeliaan Pengajaran Kembang Tumbuh di Kuala Terengganu

23-25 Januari 2013

(oleh Dr Zuraidah Abdullah)

Bengkel ini telah diadakan pada 23 - 25 Januari 2013 bertempat di Kuala Terengganu Golf Resort. Dr Zuraidah Abdullah Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya bersama lima orang ahli projek penyeliaan pengajaran kembang tumbuh iaitu Datin Dr. Rahimah Hj Ahmad (Ketua Penyelidik), Prof Raja Maznah, Dr.Hailan Salamun, Dr. Adelina dan pembantu penyelidik, Siti Shafiqah. Projek Penyeliaan kembang tumbuh ini telah mendapat peruntukan daripada Kementerian Pengajian Tinggi bagi Geran Penyelidikan Fundamental -Knowledge Transfer Programme (KTP). Tujuan projek ini adalah untuk memperkenalkan dan melaksanakan sistem Penyeliaan Pengajaran Berterusan dengan pendekatan berperingkat dan "developmental" di semua sekolah rendah dan menengah. Pada masa yang sama, program ini dapat "melatih" individu guru yang bertanggungjawab menjadi 'pembimbing guru' (penyelia) dan seterusnya menerapkan pengetahuan dan kemahiran penyeliaan kepada semua guru agar mereka boleh "menyelia" sesama sendiri.

Justeru, objektif bagi bengkel ini adalah untuk menyiapkan modul penyeliaan pengajaran kembang tumbuh dan dimurnikan bersama agar modul ini boleh diserahkan kepada guru-guru besar. Modul ini akan dapat memebri gambaran yang jelas mengenai projek ini.

Selain itu, di dalam bengkel ini dibincangkan kembali carta "Gantt" untuk disesuaikan kembali mengikut waktu kelapangan ahli-ahli yang terlibat. Kami juga membincangkan aktiviti dan pengisisan utama sewaktu sesi taklimat kepada guru-guru sekolah nanti. Hasil daripada bengkel ini kami berjaya menghasilkan sebuah modul yang mempunyai enam bab yang komprehensif berkaitan dengan Penyeliaan Kembang Tumbuh.



Suasana di dalam dewan seminar



Bengkel dan perkongsian ilmu

Mesyuarat/Bengkel Semakan Kursus Universiti di Hotel Armada, Petaling Jaya

8-9 Mac 2013

(oleh Prof Madya Dr Raihanah dan Dr Zuraidah)

Prof Madya Dr Raihanah Abdullah Pengarah PDP dan Dr Zuraidah Abdullah Timbalan Pengarah PDP telah menghadiri Mesyuarat/Bengkel Semakan Kursus Universiti yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan dan Penambahbaikan Kualiti (QMEC). Pengarah dan Timbalan Pengarah telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil di bawah Task Force Mengkaji Semula Kursus Universiti dan mesyuarat/Bengkel ini telah diadakan pada 8-9 Mac 2013 di Hotel Armada Petaling Jaya. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk meneliti dan mengkaji semula kursus Universiti yang sediaada dan mencadangkan keperluan serta penambahbaikan pelaksanaan Kursus Universiti untuk sesi akan datang. Mesyuarat ini telah dilaksanakan dalam kumpulan kerja berdasarkan beberapa Kursus Universiti seperti TITAS dan Hubungan Etnik. Pelantikan ini adalah berdasarkan kepada

kepakaran pensyarah dan mendapati banyak penerangan yang jelas tentang pembinaan rekabentuk kurikulum dan hasil mesyuarat ini juga bermatlamatkan ke arah keberkesanan pelaksanaan Kursus Universiti pada masa akan datang.



Mesyuarat “Kajian Pasaran Program Baru Bahasa Melayu Bahasa Kedua” dan Bengkel “Penyediaan Dokumen Laporan Penilaian Kendiri Program Baru ”

1 Mac 2013 di Dewan Semarak Akademi Pengajian Melayu



Dr Zuraidah Abdullah, Timbalan Pengarah PDP merangkap Penyelaras Program Bahasa Melayu Bahasa Kedua bersama-sama pasukan kerjanya telah menyelesaikan sebahagian besar dokumen yang diperlukan dalam membina sebuah program baru. Pada 27 Disember 2012 telah diadakan mesyuarat Kajian Pasaran Program Baru Bahasa Melayu Bahasa Kedua. Mesyuarat kajian pasaran ini dihadiri oleh beberapa agensi swasta dan kerajaan seperti DBP, UPSI, wakil Sekolah, wakil institut Pusat Pelajar Antarabangsa, wakil bank of China dan wakil daripada agensi kewartawanan. Mereka telah memberi maklum balas yang positif dan mengharapkan agar program ini boleh dilaksanakan secara semerta oleh APM.

Selain itu, Dr Zuraidah Abdullah Timbalan Pengarah sebagai fasilitator bengkel dengan memberi taklimat dan kaedah tentang penyediaan Dokumen Laporan Penilaian Kendiri Program Baru, Akademi Pengajian Melayu. Bengkel ini adalah untuk memberikan garis panduan kepada Penyelaras Program dan ahli jawatankuasa bagi setiap program baru Sarjana Muda Pengajian Melayu dalam menyediakan Laporan Penilaian Kendiri Program. Bengkel tersebut dilaksanakan pada 1 Mac 2013 di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu. Seramai dua puluh satu (21) orang peserta hadir dan telah memberi maklum balas positif.

Semua Penyelaras Program dan ahli jawatankuasa telah dapat memahami cara dan kaedah menyediakan Laporan Penilaian Kendiri. Fasilitator telah memberikan Carta *Gantt* kepada Penyelaras Program bagi tujuan pelaksanaan dan penyusunan jadual kerja yang lebih teratur. Malah, peserta yang hadir bersetuju supaya bengkel pemurnian dokumen diadakan di luar Universiti Malaya pada akhir bulan Mac 2013.



Persidangan Perdana Mentranformasikan Sistem Pendidikan Negara

23 April 2013, Klana Resort Seremban

Seremban, 23 Apr - “Kejayaan dikecapi disebabkan oleh pelajaran dan jika dasar yang baik tidak dilaksanakan, maka tidak bergunalah dasar yang diperkenalkan.” ujar Dato’ Seri Utama Hj Mohamad Hj Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan. Warga guru perlu meletakkan semula profession perguruan ke tahap dihormati oleh masyarakat seperti mana profession ini satu ketika dahulu amat dihormati. Ujar beliau lagi, “Betapa penting dan mustahaknya peranan guru kepada anak didik disamping guru perlu menganggap anak murid yang didiknya umpama anak sendiri. Dato’ Seri Utama Hj Mohamad Hj Hasan, menyempurnakan Persidangan Perdana Mentranformasikan Sistem Pendidikan Negara-“Kompetensi & Profesionalisme Keguruan” di Klana Resort, Seremban. Tegas beliau, “pentingnya tenaga penggerak’ bermaksud pentingnya peranan guru di tambah pula dunia berdepan dengan zaman globalisasi yang penuh cabaran dan dugaan. Para guru turut diingatkan bahawa profession perguruan ini telah wujud sejak sekian lama, jika tidak di sekolah, ibu bapa itulah guru kita, dan apabila di sekolah, guru menjadi sumber rujukan anak murid. Katanya lagi, “Jika mahu berjaya lihatlah kepada Dasar Pendidikan dan tenaga penggeraknya.

Seminar dua hari yang dianjurkan oleh Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) perlu dijadikan medium perbincangan untuk mendapatkan solusi pendidikan yang perlu diubah mengikut peredaran semasa. Jika persidangan dua hari ini mencapai objektifnya, beliau yakin dan percaya profession perguruan ini kembali dipandang tinggi oleh masyarakat. Dr Zuraidah bt Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Dialog Peradaban yang juga merupakan ahli pasukan perundingan penyelidikan telah menjadi moderator. Seminar ini juga membincangkan tentang guru tidak boleh lagi ketinggalan kebelakang dan harus menyedari peranannya dalam kelompok masyarakat dan perlu menginstitusikannya dalam masyarakat. Empat kertas kerja yang dibentangkan telah memperkatakan profesionalisme keguruan yang perlu diangkat sebagai profesion yang dihormati dan sangat penting untuk negara. Setiap pembentang mengharapkan agar guru-guru bangkit memainkan peranan dan mengilap semula semangat ‘sense of honourship’ di dalam memastikan anak-anak mendapat pendidikan yang sempurna bersesuaian dengan peredaran semasa. Tan Sri Dato’ Abd Ghaffar Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Prof. Dr. Dato’ Kamaruddin Kachar, Prof Emeritus Dato’ Dr. Ishak Harun dan Dr. Masnah Muda dan ramai lagi sarjana pendidikan dari seluruh Malaysia turut hadir.



PUBLIC LECTURE, CONFERENCES, SEMINARS, WORKSHOPS, FORUMS, ROUNDTABLE DISCUSSIONS AND DIALOGUE

UPCOMING EVENTS

Bengkel Siri Dialog Ilmu 2: Seminar Etnosains Malayonesia by Dr. Shaharir Md. Zain (Senior Research Fellow at UMCCD). Collaboration with *Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI)*

Dialogue on Transgenderism in Malaysia: The Different Perspectives. Collaboration with *Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWKM)*

Seminar tentang Peradaban Melayu. Collaboration with Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI)

Latin America Today: An Emerging Region with Long Civilization by Prof. Dr. Fernando Pedrosa (University of Buenos Aires)

Doing Things With Words: Language in the Service of Dialogue by Prof. Dr. Samuel Oluoch Imbo (Visiting Scholar at UMCCD from Hamline University, USA)

Muslims As Consumers: Dialogue with Modernity by Prof. Dr. Karim Douglas Crow (Principal Research Fellow at International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia)

Mapping a Culture of Peace and Non-Violence in Malaysia by Assoc. Prof. Dr. Stefan Bucher (Senior Research Fellow at UMCCD from Germany) and Dr. Mohd Aminul Karim (Senior Research Fellow at Asia-Europe Institute)

Visiting Scholars

Professor Dr. Samuel Oluoch Imbo (Hamline University in Saint Paul, U.S.A)

- Field of interest : Comparative philosophy, Africana Philosophy and social & political philosophy

Professor Dr. Golam Dastagir (University of Toronto, Canada)

- Field of interest : Islamic ethics, Islamic philosophy of education

Professor Dr. Arndt Graf (Goethe-University Frankfurt, Germany)

- Field of interest : Malay Studies, Southeast Asian Studies, Literature

Prof. Dr. Zobaida Akhter

- Field of interest : Women Studies

Jika anda ingin menghantar sebarang bentuk penulisan/artikel atau mempunyai sebarang soalan boleh di emailkan kepada alamat berikut dialog@um.edu.my